

## Akal Budi Orang Melayu menerusi Cerita-cerita Rakyat

*The Common Sense of the Malays through Folk Stories*

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan  
[sitinurulsuhadahadnan@gmail.com](mailto:sitinurulsuhadahadnan@gmail.com)

Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, Beg berkunci No 1, Bachok, Kelantan, Malaysia

Mohd Firdaus Che Yaacob  
[firdaus.cy@umk.edu.my](mailto:firdaus.cy@umk.edu.my)

Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, Beg berkunci No 1, Bachok, Kelantan, Malaysia

**Published:** 15 Ogos 2023

**To cite this article (APA):** Tuan Adnan, T. S. N. S., & Che Yaacob, M. F. (2023). Akal Budi Orang Melayu menerusi Cerita-cerita Rakyat : The Common Sense of the Malays through Folk Stories. *PENDETA*, 14(2), 56–70. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.5.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.5.2023>

## ABSTRAK

Cerita rakyat merupakan salah satu kesusasteraan Melayu yang disampaikan oleh penduduk pribumi. Ia dikembangkan melalui penyampaian secara lisan daripada satu generasi ke generasi yang lain. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi tujuan mengenal pasti dan menganalisis aspek akal budi menerusi cerita rakyat Melayu. Batasan kajian ini dihadkan kepada koleksi cerita rakyat dalam buku yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Maka, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian yang berlandaskan kaedah kepustakaan dan analisis teks bagi memperoleh hasil yang lebih mampan. Kajian ini menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) menerusi pengkaedahan alamiah bagi memperkuatkan analisis kajian. Hasilnya, kajian ini mendapati adanya elemen akal budi dalam cerita rakyat Melayu yang diketengahkan. Kesannya, cerita rakyat sedikit sebanyak mempengaruhi gaya pemikiran dan kebijaksanaan masyarakat dalam membuat sebarang keputusan yang rasional serta saksama.

**Kata Kunci:** Akal budi; Orang Melayu; Cerita Rakyat; Teori Pengkaedahan Melayu

## ABSTRACT

*Folklore is one of the Malay literature that is presented by the native population. It was developed through oral transmission from one generation to another. Therefore, this study was carried out for the purpose of identifying and analyzing aspects of common sense through Malay folklore. The limitations of this study are limited to the collection of folklore in the book titled *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu* by Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Therefore, this study uses a research design based on library methods and text analysis to obtain more sustainable results. This study uses the Malay Methodology Theory by Hashim Awang (1989) through natural methods to strengthen the analysis of the study. As a result, this study found that there is an element of common sense in the highlighted Malay folklore. As a result, folklore to some extent influence the thinking style and wisdom of the community in making any rational and fair decision.*

**Keywords:** Common sense; Malays; Folklore; Methodology Malay Theory

## PENGENALAN

Cerita rakyat merupakan sebuah adikarya agung yang disampaikan oleh masyarakat Melayu bagi tujuan mengembangkan kebudayaan mereka. Cerita rakyat dahulunya diperturunkan oleh nenek moyang dan disampaikan kepada cucu-cucu dan anak-anak mereka. Masyarakat terdahulu mendidik anak-anak dengan menggunakan cerita rakyat untuk menyampaikan pengajaran. Hal ini bagi mendidik anak mereka mengenai tatacara kehidupan bermasyarakat. Cerita rakyat disampaikan untuk menjadikan anak mereka mengenali adat istiadat, kebudayaan, serta gaya perlakuan dalam bermasyarakat (Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim, 2014). Pendidikan memainkan peranan penting dalam mengajar generasi muda agar berfikir dan bertindak secara rasional ketika berinteraksi bersama-sama masyarakat. Perkara ini bagi mengelakkan masyarakat berfikiran negatif terhadap perlakuan yang dipamerkan oleh generasi muda. Perbezaan fahaman akan mencetuskan suasana tegang dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, anak-anak dididik sejak dari kecil oleh ibu bapa mereka bagi mengelakkan hal sebegitu terjadi.

Akal budi sangat sinonim dalam cerita rakyat Melayu. Ia dilihat sebagai satu pemikiran yang dibuat menggunakan kebijaksanaan melalui pengalaman mahupun pengamatan seseorang. Tutur kata yang disampaikan melalui cerita rakyat akan mengandungi makna tersirat. Menurut Siti Zuhaidah Zakerian & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2014), cerita rakyat digambarkan sebagai olahan idea tukang cerita melalui proses penyampaiannya. Ia dapat dilihat secara lebih dekat pengolahan akal budi dalam sesebuah cerita rakyat disampaikan oleh tukang cerita. Oleh itu, cerita-cerita berkisarkan masyarakat tidak bergantung kepada satu tukang cerita sahaja dan mampu diadaptasi kepada beberapa versi mengikut daya kreativiti.

Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2014), pemikiran dan kecerdasan akal mampu membentuk individu yang positif dalam masyarakat Melayu. Akal budi yang disampaikan dalam cerita rakyat telah sinonim daripada sudut pergaulan masyarakat Melayu. Hal ini secara tidak langsung banyak mempengaruhi adat resam, gaya hidup serta kebudayaan masyarakat setempat. Cerita-cerita yang disampaikan memberikan pendedahan kepada generasi muda untuk berfikir sebelum melakukan sesuatu tindakan. Hal ini kerana setiap tindakan yang dibuat akan memberi kesan mendalam terhadap kehidupan individu tersebut. Justeru, Akal budi dalam cerita rakyat wajar diketengahkan kepada masyarakat kerana di dalamnya terkandung pelbagai panduan untuk generasi muda. Ia kerana generasi muda ialah peneraju masa depan negara. Jika satu keputusan diambil tanpa pertimbangan yang wajar maka negara akan merosot kerana pemimpinnya tidak bijak dalam melaksanakan dan menentukan keputusan yang rasional serta mendatangkan kebaikan kepada semua pihak. Bak kata perpatah “*Melentur Buluh Biarlah Daripada Rebungnya*”.

Menurut Tuan Siti Nurul Suhadah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020), menegaskan bahawa akal budi merupakan satu nilai yang diterapkan masyarakat Melayu bagi memberikan pelajaran dan hiburan melalui penyampaian cerita rakyat. Akal budi dilihat apabila golongan muda mempraktikkan nilai moral yang dipelajari dalam kehidupan mereka. Konsep ini bertujuan menyelarikan gaya kehidupan moden dengan adat resam nenek moyang masyarakat Melayu. Akal budi yang disampaikan mampu mencorak dan mengawal tingkah laku anak-anak muda pada zaman sekarang. Oleh hal yang demikian, cerita rakyat mempunyai pelbagai pengajaran dan panduan yang dapat mendidik dan membimbing golongan muda. Oleh yang demikian, kajian ini akan dilakukan untuk mengetengahkan kepentingan akal budi dalam cerita rakyat supaya adat resam Melayu tidak terhakis.

## SOROTAN KAJIAN

Kajian bertajuk *Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2014) menyatakan bahawa cerita rakyat disampaikan oleh nenek moyang terdahulu kepada anak-anak muda bagi membentuk gaya pemikiran agar selari dengan adat resam masyarakat Melayu. Cerita rakyat amat menekankan pengajaran dalam sesebuah cerita. Pengajaran cerita disampaikan kepada anak-anak muda bagi membentuk keperibadian yang baik. Di samping itu, kajian ini memperlihatkan bahawa golongan muda dibentuk pemikirannya menerusi cerita rakyat Melayu. Oleh itu, pengajaran dalam cerita rakyat mengajar anak-anak muda untuk menjaga adat resam Melayu. Sekaligus membentuk tingkah laku yang baik untuk diterapkan dalam kehidupan

anak-anak muda. Justeru, cerita rakyat kaya dengan kandungan nilai-nilai murni yang mampu mendidik golongan kanak-kanak untuk menjalani sebuah kehidupan yang berlandaskan nilai-nilai murni. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kajian ini lebih ke arah menjelaskan perlakuan yang baik dalam kalangan kanak-kanak berbanding kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji lebih menumpukan kepada elemen akal budi, iaitu pemikiran yang dicetuskan dalam sesebuah cerita rakyat. Ini bagi memperlihatkan ketinggian akal fikiran masyarakat Melayu dalam mencari penyelesaian terhadap permasalahan yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari.

Selain itu, kajian bertajuk *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016) telah menjelaskan bahawa pembentukan tamadun masyarakat Melayu adalah hasil kebudayaan melalui pengajaran cerita-cerita rakyat. Nilai-nilai murni yang diperolehi melalui cerita rakyat dijadikan sebagai panduan yang diikuti oleh masyarakatnya. Satu landasan dibentuk bagi mendidik generasi muda dengan memperbanyakkan nilai-nilai murni dalam cerita rakyat agar anak-anak muda mampu menzahirkan akhlak yang mulia ketika bergaul dengan orang sekeliling. Secara tidak langsung, iktibar yang diperolehi daripada cerita rakyat menjadi panduan hidup kepada masyarakat Melayu. Oleh itu, hal ini menjelaskan bahawa tamadun masyarakat Melayu dibentuk melalui peradaban yang ditonjolkan. Di samping itu, peradaban masyarakat Melayu dapat dilihat melalui iktibar yang diperolehi dalam cerita rakyat. Justeru, cerita rakyat ternyata mempamerkan corak kehidupan masyarakat yang sistematik serta kemajuan daripada aspek pertanian, kebudayaan, dan undang-undang adat Melayu bagi menampung keperluan komunitinya. Dalam kajian ini, pengkaji melihat pengkaji terdahulu lebih menekankan satu nilai murni, iaitu nilai baik hati semata-mata dalam kajiannya. Oleh itu, pengkaji menggunakan pendekatan akal budi sebagai cetusan idea baharu. Hal ini bagi memperkuatkan kajian berbentuk cerita rakyat kepada satu pandangan atau dimensi baharu kepada masyarakat hari ini. Sekaligus, mampu memperkuatkan keserasian Melayu dalam bentuk cerita rakyat di persada dunia.

Seterusnya, kajian bertajuk *Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara* oleh Aripin Said & Othman Puteh oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) telah menyatakan bahawa cerita rakyat ini diwariskan kepada anak-anak muda melalui kaedah komunikasi yang kreatif. Pemikiran kreatif masyarakat Melayu dahulu dilihat melalui penyampaian cerita rakyat yang dipenuhi dengan iktibar berjaya disampaikan oleh nenek moyang kepada generasi muda. Secara tidak langsung membentuk perilaku yang mulia dalam kalangan masyarakat Melayu. Pengaplikasian komunikasi kreatif ini mampu membentuk modal ihsan yang mempunyai kepelbagaiannya yang bersesuaian dengan pasaran industri kini. Justeru, secara tidak langsung pengajaran yang diperoleh dalam cerita rakyat mendedahkan golongan muda dengan pemikiran kritis supaya bersedia menghadapi masalah yang lebih kompleks pada masa akan datang. Kajian ini memperlihatkan bentuk komunikasi kreatif yang mampu membina modal insan dalam kalangan masyarakat akan. Oleh itu, pengkaji cuba mengetengahkan elemen akal budi sekaligus memperkuatkan kajian pengkaji terdahulu. Hal ini kerana modal insan mampu dibina dengan wujud akal fikiran yang cerdas. Maka, pengkaji ingin memperincikan elemen akal budi kepada masyarakat kini di samping melestarikan kebijaksanaan masyarakat terdahulu dalam mengendalikan situasi atau permasalahan yang berlaku.

Seterusnya, kajian yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) telah memperincikan mengenai cerita rakyat adalah satu medium bagi mendidik golongan muda melalui pengajaran yang diperolehi. Cerita rakyat ini disampaikan oleh pencerita amatur yang berkemahiran dalam menceritakan sejarah, mitos, hikayat, lagenda dan binatang. Melalui pencerita amatur, golongan muda akan lebih terdedah dan memahami nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat yang disampaikan. Hal ini menjadikan pemikiran golongan muda lebih berintelektual dan mampu memberikan reaksi melalui tindakan yang wajar. Tindakan yang wajar mampu membuatkan nilai-nilai murni dalam cerita rakyat terus subur dalam kalangan generasi muda. Justeru, nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat turut menyumbang daripada aspek akademik, rohani dan jasmani terhadap golongan muda. Kajian ini lebih menekankan aspek nilai-nilai murni yang sekaligus mempamerkan pewatakan yang positif. Namun kajian kurang mengetengahkan aspek akal budi yang juga mencerminkan ketinggian fikiran masyarakat Melayu itu sendiri. Oleh itu,

kajian yang dilakukan oleh pengkaji ialah bagi memartabatkan aspek akal budi sekaligus menonjolkan kearifan masyarakat Melayu dalam bidang kesusasteraan.

Di samping itu, kajian yang bertajuk *Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat “Hikayat Nakhoda Muda”*: *Analisis Semantik Inkuisitif* oleh Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet (2020). Kajian ini menekankan bentuk-bentuk peristiwa yang dilihat sebagai sesuatu yang aneh berlaku dalam kalangan masyarakat setempat. Secara tidak langsung, penglipur lara telah menerapkan beberapa bentuk kepercayaan yang wujud dalam kalangan masyarakatnya menerusi penyampaian cerita. Ia mendorong memperkuuhkan adat resam serta peradaban yang digagaskan oleh masyarakat setempat. Kesannya, adat resam mampu disampaikan kepada generasi muda menerusi sebuah cerita dan dikekalkan kepercayaan yang mendominasi masyarakat tempatan. Kajian ini lebih menekankan tentang aspek kebudayaan yang telah sebatи dan menjadi peradaban sesebuah masyarakat. Namun kurang mengetengahkan elemen akal budi. Oleh itu, pengkaji cuba mengetengahkan elemen akal budi agar ia juga berkembang sebagai peradaban masyarakat tempatan. Hal ini supaya elemen ini mampu dilihat sebagai bentuk kearifan masyarakat setempat dalam mengembangkan kebudayaan mereka.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Berdasarkan sorotan kajian di atas, kajian ini mendapat terdapat kelompongan yang dilihat melalui kajian-kajian tersebut. Kajian-kajian tersebut dilihat kurang mengetengahkan akal budi melalui cerita rakyat orang Melayu. Rata-rata pengkaji mengetengahkan tentang aspek peradaban, nilai moral dan nilai-nilai murni dalam kajian mereka. Ia kerana peradaban, nilai moral dan nilai-nilai murni meliputi perlakuan, tatatertib, kebudayaan serta hubungan sesama manusia. Ia membuatkan akal budi dalam cerita rakyat Melayu kurang mendapat perhatian oleh para sarjana berbanding bentuk kesusasteraan yang lain. Oleh itu, akal budi tidak digarap sepenuhnya oleh pengkaji-pengkaji lepas kerana fokus kepada elemen-elemen lain. Perkara ini membuatkan akal budi dalam cerita rakyat menjadi skop terpencil untuk diangkat oleh para sarjana. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi memberi pendedahan secara lebih mendalam terhadap akal budi melalui cerita rakyat Melayu. Kajian ini juga bertujuan menonjolkan kembali akal budi dalam cerita rakyat Melayu sekaligus memberikan pendedahan yang sewajarnya kepada generasi muda.

## **BATASAN KAJIAN**

Pengkajian ini membataskan terhadap beberapa buah cerita rakyat yang diperoleh menerusi koleksi cerita-cerita rakyat yang terkandung dalam buku yang ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) iaitu, *Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Cerita-cerita rakyat yang dipilih untuk dianalisis ialah *Haji Long Abdul Rahman, Kegemilangan Pangkalan Datu, Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu, Tentera Bergajah, Asal Usul Datu, Che Deraman, Pendaratan Jepun di Kelantan, Kelawar Suka Keluar Waktu Malam, Kezaliman Seorang Raja, dan Kebijaksanaan Burung Hantu*. Cerita-cerita rakyat ini dipilih secara rawak bagi membuktikan wujudnya elemen akal budi dalam cerita rakyat Melayu. Seterusnya, teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989), telah digunakan dalam kajian ini bagi menjawab objektif kajian. Teori pengkaedahan Melayu sesuai digunakan kerana ianya banyak menekankan mengenai budaya hidup masyarakat. Oleh itu, diharapkan agar kajian ini dapat mencapai objektifnya.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif, iaitu merujuk kepada kaedah kepustakaan dan teks sahaja. Kepustakaan merujuk kepada pengumpulan bahan-bahan ilmiah berbentuk buku, artikel dan kamus. Pengkaji membuat rujukan di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan Perpustakaan Awam Negeri Kelantan. Manakala, kaedah teks merujuk kepada koleksi cerita-cerita rakyat yang dilampirkan pada bahagian lampiran menerusi buku yang *bertajuk Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob. Sebanyak 53 buah cerita rakyat telah dimuatkan dalam buku ini. Sehubungan itu, pengkaji telah membaca semua cerita-cerita rakyat ini dan memilih beberapa cerita untuk dikaji yang memfokuskan kepada aspek akal budi. Selain itu, teori pengkaedahan Melayu dijadikan sebagai deduktif yang lebih kompleks bagi menganalisis data kajian secara sistematis dan mampan. Sekaligus mampu menerangkan beberapa situasi yang berlaku dalam masyarakat Melayu menerusi data yang diperolehi dalam buku tersebut. Ia membolehkan pengkaji untuk lebih mendalam dan memperincikan elemen akal budi menerusi cerita rakyat kepada khalayak.

### Teori Pengkaedahan Melayu

Seterusnya, pengkaji telah mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu untuk menganalisis data. Teori pengkaedahan Melayu dipilih kerana mempunyai kaitan dengan kebudayaan masyarakat Melayu. Teori pengkaedahan Melayu telah digagaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 dan dikemukakan berlandaskan kepada semua aspek kehidupan manusia yang merangkumi cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan setempat dalam masyarakat Melayu. Sehubungan dengan itu, teori Pengkaedahan Melayu memperlihatkan perutusan serta lontaran idea dan fikiran pengarangnya. Teori pengkaedahan Melayu dibahagikan kepada dua, iaitu pengkaedahan Alamiah dan pengkaedahan Keagamaan.

Kajian ini hanya berfokuskan kepada pengkaedahan alamiah yang dilihat lebih kontra dengan pembawaan cerita rakyat yang diperolehi. Terdapat beberapa pendekatan dalam pengkaedahan Alamiah. Pertama, pendekatan gunaan. Dalam pendekatan gunaan, kewujudan objek alam yang mengandungi pelbagai manfaat, hikmat, fungsi dan kegunaan untuk manusia atau khalayak dan alam digunakan sebagai sumber ilham pengarang untuk diterapkan ke dalam sesebuah karya sastera. Sebuah karya sastera dan alam perlu saling berkait demi melahirkan karya yang baik dan bermanfaat untuk menyampaikan pemikiran dan falsafah kehidupan masyarakat. Justeru, kenyataan ini menegaskan bahawa perkaitan antara manusia dan alam berperanan dalam penghasilan sesebuah karya yang baik dan menarik (Hashim Awang, 2002).

Seterusnya, pendekatan moral. Kesusastraan tidak bergantung kepada kejadian alam mahupun objek material semata-mata namun ia juga meliputi pengalaman yang dilalui oleh seseorang manusia. Pengalaman itu diambil kira daripada semua aspek termasuk dari sudut positif dan negatif. Pendekatan Moral bersifat pengalaman hidup manusia, iaitu pengalaman yang dilalui manusia dan maklumat yang berkaitan dengan manusia serta dunia termasuk kejiwaan, kepercayaan (agama), kebudayaan, kemasyarakatan, kebangsaan dan persekitaran yang melibatkan kekuatan ilmu pengetahuan dan daya kreativiti (Hashim Awang, 2002).

Selain itu, pendekatan firasat. Sastera adalah suatu kejadian alam semesta yang memberikan dan memperkayakan pengalaman hidup. Namun, pengalaman hidup ini lebih mengarah kepada pengalaman pencipta karya yang penuh dengan daya kemisterian. Namun begitu, mimpi yang dilakukan itu secara sedar dan didasari kepada matlamat dan wawasan yang khusus. Pendekatan firasat sering dikaitkan dengan mimpi, iaitu suatu pengalaman hidup masyarakat Melayu yang sering dianggap bermakna kepada kehidupan untuk menentukan pengertian atau pencarian makna mimpi, dikenali sebagai ta'abir, iaitu peroses menemukan makna menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu (Hashim Awang, 2002).

## AKAL BUDI MASYARAKAT MELAYU DALAM CERITA-CERITA RAKYAT

Pada bahagian ini, pengkaji akan menganalisis akal budi seperti kebijaksanaan kepimpinan, perlakuan baik hati, kebijaksanaan berfikir, sifat sayang kepada nyawa, penjagaan pertuturan, kebijaksanaan mengatur strategi, keberanian dan kesetiaan.

Hawa Mahfuzah Rusidin & Zulkifley Hamid (2015), telah mendefinisikan akal sebagai alat penyampaian ilmu pengetahuan kepada masyarakat mengenai perkara mustahil mahupun tidak yang berlaku dalam kehidupan mereka. Ilmu yang diperolehi oleh akal adalah menerusi pengalaman yang telah berlaku secara pengamatan mahupun pendengaran seseorang individu itu. Akal digambarkan sebagai satu peringkat tertinggi dan mempunyai implikasi atas tindakan yang diambil secara baik ataupun tidak. Sementara itu, melalui *Kamus Dewan* (2007), budi didefinisikan sebagai keperibadian yang mulia diperlihatkan oleh seseorang individu baik daripada tingkah laku mahupun pertuturan. Budi melibatkan keluhuran adab serta kesopanan budaya dan tingkah lakunya untuk dipamerkan dalam masyarakat. Tingkah laku tersebut akan diterima oleh setiap lapisan masyarakat daripada sudut positif sahaja.

### Akal Budi Melalui Kebijaksanaan Kepimpinan

Menurut Junaini Kasdan (2020), telah menyatakan kepimpinan adalah daya sokongan sewaktu mengambil risiko secara giat serta tampil ditaran hadapan. Kepimpinan disifatkan sebagai tindakan yang merangkumi pengaruh, kreatif, inovasi, orientasi matlamat dan kemanusiaan. Seterusnya, menurut *Kamus Dewan* (2007), kebijaksanaan merujuk kepada kearifan, pandai serta berhati-hati. Ia digambarkan seseorang yang cendikiawan melalui perbuatan mahupun tutur kata. Kebijaksanaan ini menggambarkan individu yang memiliki tanggungjawab dalam perbuatan serta keberanian. Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), telah menyatakan kepimpinan bermaksud kemampuan dalam mengurus pentadbiran organisasi atau kerajaan. Perlakuan kebijaksanaan memimpin digambarkan satu arahan yang diberikan terhadap individu lain mahupun masyarakat bagi memyempurnakan sebuah tugas atau kerja. Oleh hal yang demikian, berdasarkan kepada pendapat-pendapat daripada para sarjana ini dapat dirumuskan bahawa akal budi melalui kebijaksanaan kepimpinan bermaksud tanggungjawab seorang ketua dalam menguruskan pentadbiran sesebuah organisasi menggunakan akalnya bagi memastikan organisasi berjalan dengan lancar.

Sikap kebijaksanaan dalam kepimpinan ini mampu diperhatikan melalui cerita *Kegemilangan Pangkalan Datu*. Ianya dapat diperhatikan dalam petikan 1 seperti di bawah:

#### Petikan 1

*Tidak lama kemudian, Sultan Omar telah mangkat, lalu takhta kerajaan telah diserahkan kepada Raja Pah. Raja Pah telah menyerahkan takhta kerajaan kepada suaminya Long Bahar. Ia telah menjadikan hak Raja Abdul Rahman telah dipinggirkan. Walaupun begitu ia telah diterima dengan baik oleh para pembesar kerana umur Raja Abdul Rahman masih setahun jagung dan dirasakan tidak layak untuk memerintah pada ketika itu. Setelah menaiki tahta, Long Bahar telah berpindah ke Kota Jembal. Setelah lama memerintah negeri, Long Bahar telah mangkat dan anakanda baginda bernama Sultan Sulaiman telah dilantik menjadi sultan.*

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021)

Petikan 1 memberi gambaran kebijaksanaan watak Raja Pah dalam pemerintahannya. Petikan ini memperlihatkan tahap kebijaksanaan seorang pemimpin dalam mengatur strategi pemerintahan. Ianya memperlihatkan penyusunan kenaikan tahta dalam pemerintahan Melayu. Watak Raja Pah ini dilihat sebagai seorang pemimpin yang bijak kerana baginda telah menyerahkan tahta pemerintahan kepada suaminya, Long Bahar sehingga membuatkan Raja Abdul Rahman tidak berhak terhadap tampuk pemerintahan tersebut. Ianya dilihat pemikiran Raja Pah yang telah menyusun strategi peralihan kuasa pemerintahan kepada suaminya kerana Raja Abdul Rahman masih muda dan tidak mampu memerintah kerajaan pada waktu itu. Melalui perlakuan itu dapat digambarkan watak Raja Pah ini telah memikirkan strategi awal supaya tampuk pemerintahan itu tidak musnah kerana dinaungi oleh seorang pemimpin yang belum mampu menjalankan tanggungjawabnya itu.

Aplikasi teori pengkaedahan Melayu yang dinyatakan oleh Hashim Awang melalui pendekatan moral adalah saling berhubung kait dengan akal budi kepimpinan ini. Akal budi kepimpinan ini menyamai dengan teori pengkaedahan Melayu dalam aspek moral. Hashim Awang (2002), menjelaskan bahawa aspek moral adalah pendekatan menerusi pengalaman manusia dalam menjalani kehidupannya yang berlaku sama ada positif maupun negatif. Pendekatan moral jelas diperincikan melalui tindakan watak cerita rakyat ini yang berfikiran cerdas dalam menangani isu pentadbiran negeri. Hal ini dikatakan demikian kerana watak ini telah menyerahkan pentadbiran kepada orang yang lebih layak berbanding keturunan pemerintah pada ketika itu. Ia diambil kira kerana faktor umur dan tidak matang dalam membuat keputusan. Akhirnya, dengan keputusan yang dilakukan oleh watak ini, pentadbiran negeri tersebut masih kekal utuh.

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), sikap kepimpinan merupakan satu bentuk pengaruh yang besar dilakukan oleh seseorang individu bagi menggerakkan sesebuah organisasi atau pemerintahan. Seseorang yang berjiwa pemimpin akan sentiasa memiliki keupayaan berfikir yang luar biasa bagi memastikan struktur organisasinya mengekalkan aspek kecemerlangan. Oleh itu, seseorang pemimpin akan sentiasa menyusun strategi bagi menyatukan orang bawahannya dengan struktur kerja yang digariskan. Kesannya, setiap pemimpin mampu mempertingkatkan usaha organisasinya agar kekal cemerlang dari semasa ke semasa.

### **Akal Budi Melalui Perlakuan Baik Hati**

Menurut *Kamus Dewan* (2007), baik hati merujuk kepada sifat suka membantu diri, masyarakat serta negaranya. Baik hati digambarkan melalui keperibadian seseorang yang mudah menzahirkan rasa simpati terhadap masyarakat sekitarnya. Ia mendorong wujudnya perasaan mengasihani dalam diri seseorang kepada individu yang lain. Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016), telah menyatakan bahawa tingkah laku yang mempunyai keluhuran nurani seseorang dalam tindakannya bagi melakukan sesuatu perkara. Keperibadian ini wujud melalui didikan ibu bapa yang baik lalu diterapkan sebagai jati diri kepada anak-anak. Oleh hal yang demikian, berdasarkan kepada pendapat-pendapat daripada para sarjana ini dapat dirumuskan bahawa akal budi melalui perlakuan baik hati bermaksud tingkah laku yang mempunyai hati nurani dalam tindakan yang memberi impak kepada masyarakat sekeliling.

Perlakuan baik hati dapat diperolehi daripada cerita *Haji Long Abdul Rahman*. Akal budi menerusi perlakuan baik hati dapat dilihat di petikan 2 seperti di bawah:

#### **Petikan 2**

*Menceritakan bahawa Haji Long Abdul Rahman ini telah menetap di Pulau itu setelah sekian lama. Kampung ini pada peringkat awalnya telah didiami oleh tiga buah keluarga dan akhirnya berkembang pesat. Mereka hidup dalam keadaan rukun dan damai sebagai jiran tertangga. Ramai anak muda yang belajar ilmu agama dengan Haji Abdul Rahman ini. Beliau telah menubuhkan sebuah madrasah untuk tujuan pembelajaran agama oleh penduduk setempat. Hafalan Al-quran sering dialunkan secara merdu oleh anak-anak muridnya. Alunan Zikir tidak lepas dibibirnya. Beliau juga sangat dikenali sebagai 'raja telunjuk' kerana kepakarannya dalam perubatan Islam dalam kalangan masyarakat.*

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021)

Petikan 2 memperlihatkan perlakuan akal budi melalui perlakuan baik hati. Ia digambarkan dengan jelas melalui pewatakan watak Haji Long Abdul Rahman yang menubuhkan sebuah madrasah bagi menyampaikan ilmu agama. Penubuhan madrasah ini membawa hasil apabila proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan di situ. Hal ini membuatkan anak-anak muda mampu mempelajari hal-hal berkaitan agama. Akal budi yang dizahirkan oleh watak Haji Long Abdul Rahman ini mencerminkan kebaikan hati melalui tingkah lakunya. Kebaikan hatinya mampu dilihat apabila Haji Long Abdul Rahman bertungkus-lumus membina madrasah dan mengubati penyakit penduduk tempatan. Setelah dibina madrasah, beliau telah mengajar ilmu agama kepada penduduk tempatan. Perkongsian ilmu pengetahuan memperlihatkan watak ini memiliki hati yang baik tambahan pula beliau menggunakan kemahirannya dalam ilmu perubatan untuk membantu merawat penyakit. Ia jelas watak ini memiliki keluhuran hati yang murni dalam membantu orang disekeliling.

Pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002), melalui pengkaedahan alamiah, iaitu pendekatan gunaan. Pendekatan gunaan meliputi objek yang berada disekeliling watak cerita di atas seperti madrasah. Melalui pembinaan madrasah, watak Haji Long Abdul Rahman telah diangkat sebagai ulamak yang terulung pada ketika itu. Sekaligus, tindakan watak ini telah mempengaruhi pemikiran masyarakat setempat dalam ilmu agama. Hal ini menyebabkan masyarakat setempat ingin mendalami ilmu agama secara meluas. Maka, ramailah orang tempatan yang datang singgah untuk mempelajari ilmu agama dengan watak tersebut.

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), sikap baik hati adalah kecaknaan seseorang dalam menyediakan pelbagai kemudahan atau keperluan masyarakat di sekelilingnya. Tindakan cakna itu telah memperlihatkan seseorang itu sangat ambil peduli akan masalah yang berlaku disekelilingnya. Melalui penyediaan keperluan hidup, individu itu telah memberikan sokongan moral yang mendukung masyarakat sekeliling untuk meneruskan sisa kehidupan. Kesannya, masyarakat setempat merasa lebih dihargai dan diterima oleh komuniti lain.

### **Akal Budi Melalui Kebijaksanaan Berfikir**

Menurut *Kamus Dewan* (2007), berfikir adalah daya ingatan yang berupaya untuk mengiatkan akal fikiran dalam menghasilkan idea. Tindakan berfikir digambarkan perlakuan yang mempertimbangkan baik buruk sesuatu tindakan sebelum melaksanakannya. Seterusnya, Kementerian Pendidikan Malaysia (2014), telah menyatakan bahawa berfikir ialah teknik pemikiran yang fleksibel dan inovatif melibatkan tindakan yang menggunakan strategi berfikir bagi menyelesaikan permasalahan. Ianya merupakan perkara yang difikirkan secara rasional dan logik akal sewaktu membuat pertimbangan dengan mengemukakan tujuan serta bukti yang kukuh. Oleh hal yang demikian, berdasarkan kepada pendapat-pendapat daripada para sarjana ini dapat dirumuskan bahawa akal budi melalui kebijaksanaan berfikir bermaksud keupayaan individu dalam menyelesaikan permasalahan dengan menggunakan akal yang bijaksana.

Kebijaksanaan berfikir diperolehi daripada tajuk cerita *Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu*. Akal budi melalui kebijaksanaan berfikir dapat diperlihatkan dalam petikan 3 seperti di bawah:

#### **Petikan 3**

*Suatu hari Puteri Saadong telah pergi bersiar-siar di luar istana. Hal ini kerana, baginda risau dan bimbang kerana tiada ikhtiar yang mampu difikirkan oleh baginda pada ketika itu. Ketika sedang bersiar-siar, baginda telah memerhatikan seorang nelayan yang baharu sahaja pulang dari lautan sedang menjual ikan tangkapannya itu kepada masyarakat sekitar. Ia telah membuatkan baginda berfikir sejenak. "Bagaimana jika Pantai Pengkalan Datu juga melakukan hal yang sama?". "Melalui cara ini para pedagang tidak perlu menginap di manapun." fikiran baginda melayang-layang memikirkan hal itu. Sukanya hati baginda setelah mendapat jalan penyelesaiannya, lalu segera diperintahkan para pembesar untuk menghadap baginda di istana*

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021)

Petikan 3 menjelaskan kebijaksanaan dalam berfikir. Petikan ini jelas memperlihatkan perlakuan Puteri Saadong yang gigih memikirkan penyelesaian terhadap masalah dihadapi oleh kerajaannya. Oleh itu, baginda dilihat berfikir secara kritis sehingga mendapatkan idea yang berasas setelah melihat seorang nelayan menjual ikan kepada masyarakat sekitar menggunakan perahu. Maka, Puteri Saadong mencadangkan supaya para pedagang juga berdagang di atas perahu atau kapal mereka sahaja. Ia membolehkan pedagang tidak perlu mencari tempat penginapan dan barang dagangannya pun selamat. Jalan penyelesaian itu diambil setelah difikirkan bersesuaian dengan keadaan pada waktu itu. Justeru itu, akal budi yang dizahirkan ini memperlihatkan watak Puteri Saadong berfikir secara kritis dalam menyelesaikan permasalahan yang berlaku.

Menurut Hashim Awang (2002), aplikasi teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan firasat dalam pengkaedahan alamiah amat berhubung kait dengan penceritaan ini. Ia dapat dilihat melalui watak Puteri Saadong menggunakan pendekatan firasat bagi membangunkan Pantai Pengkalan Datu apabila golongan pedagang pada ketika itu tidak mahu menjalankan aktiviti pedagangan dengan

negerinya. Melalui penggunaan pendekatan firasat yang bertujuan untuk mencapai matlamatnya itu akhirnya baginda memperoleh keuntungan yang besar biarpun langkah yang dilakukan adalah menggunakan nalurinya sahaja. Puteri Saadong dikatakan hanya melihat seorang nelayan menjual ikan di atas perahu telah memberikan idea kepada mereka untuk melakukan hal yang serupa. Pada mulanya, pendapat baginda disangkal oleh pembesar, namun tetap dilakukan kerana baginda yakin dengan cara itu mampu menarik golongan pedagang kembali ke negerinya. Oleh itu, pendekatan firasat ini jelas menunjukkan pendekatan ini berdasarkan pengalaman yang memberikan makna terhadap kehidupan dalam masyarakat, iaitu pengalaman berdasarkan pengamatan yang diperhatikan oleh watak Puteri Saadong terhadap nelayan yang berlabuh. Justeru, pengamatan yang dilakukan oleh watak tersebut telah memulihkan keadaan negeri itu daripada mengalami kemerosotan ekonomi.

Menurut Hawa Mahfuzah Rusidin & Zulkifley Hamid (2015), sikap kebijaksanaan dalam berfikir adalah tindakan seseorang yang berusaha menyelesaikan masalah dengan daya usahanya sendiri tanpa melibatkan orang lain. Oleh itu, individu akan menyelesaikan permasalahan berdasarkan ilmu pengetahuan yang rasional bagi memberi manfaat kepada masyarakat sekeliling juga. Maka, penilaian dan pemahaman seseorang tentang keadaan semasa penting bagi mencari jalan penyelesaian yang saksama kepada semua pihak.

#### Akal Budi Melalui Sifat Sayang Terhadap Nyawa

Menurut Rosmawati Harahap & Alkausar Saragih (2018), telah menyatakan sayang terhadap nyawa ialah sifat yang menyayangi diri sendiri. Ianya wujud apabila seseorang individu menghormati dan mengasihi ciptaan Allah SWT terutama terhadap diri sendiri. Hal ini menyatakan dengan jelas bahawa sifat sayang terhadap nyawa ini mewujudkan hati nurani yang belas kasihan terhadap masyarakat setempat juga.

Seterusnya, merujuk kepada *Kamus Dewan* (2007), sayang terhadap nyawa adalah perasaan cinta terhadap nyawa sendiri mahupun haiwan sekelilingnya. Sifat sayang terhadap nyawa ini dapat digambarkan melalui perasaan cinta yang mendalam terhadap nyawa. Perasaan itu lahir daripada hati yang ikhlas. Oleh hal yang demikian, berdasarkan kepada pendapat-pendapat daripada para sarjana ini dapat dirumuskan bahawa akal budi melalui sikap sayang terhadap nyawa bermaksud kasih sayang yang dimiliki oleh individu dengan mengajar erti belas kasihan terhadap dirinya sendiri.

Sayang terhadap nyawa dapat dilihat melalui cerita *Asal Usul Datu*. Akal budi ini dapat dilihat melalui petikan 4 seperti yang dinyatakan di bawah:

#### Petikan 4

*Serangan itu telah berlanjutan selama berhari-hari telah membuatkan banyak nyawa telah terkorban akibat peperangan itu. Datu juga telah mengalami kecederaan pada bahagian bahu kanan dan bahagian badan anggota kiri. Melihatkan kerajaan Thailand tidak dapat bertahan lama, ramai dalam kalangan rakyat jelata telah melarikan diri. Datu juga mengambil kesempatan untuk menyelamatkan nyawanya dengan melarikan diri ke tempat yang selamat. Datu telah cuba merangkak ke arah perahu kecil yang terbiar di pinggir sungai. Datu telah menaiki perahu itu secara diam-diam, lalu menggerakkan perahu untuk belayar di tengah-tengah sungai.*

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021)

Petikan 4 memperlihatkan akal budi melalui sifat sayang terhadap nyawa. Akal budi watak Datu ini memperlihatkan perwatakan yang menyayangi nyawa sendiri sewaktu Thailand menghadapi peperangan. Melalui petikan tersebut, akal budi dapat diperolehi dengan tingkah laku watak Datu tersebut berusaha menyelamatkan dirinya dengan cara menyeberangi sungai. Perbuatan itu merupakan usaha yang boleh dilakukan oleh watak setelah memikirkan peperangan itu tidak akan menyebelahi kerajaan Thailand.

Menurut Hashim Awang (2002), aplikasi teori pendekatan Melayu melalui pendekatan firasat ialah menggambarkan kelakuan seseorang yang meramal mengenai sesuatu perkara yang belum berlaku. Ianya dapat dijelaskan melalui watak Datu yang dapat meramal bahawa peperangan yang berlaku tidak akan menemukan penyelesaian yang baik lalu menggunakan kudrat yang ada bagi menyelamatkan nyawanya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa watak Datu menggunakan pendekatan

firasat. Ia jelas apabila Datu menggunakan kudratnya untuk menyelamatkan nyawa. Hal ini jelas menunjukkan pendekatan firasat yang digunakan biarpun watak Datu masih belum mengetahui keadaan dirinya pada masa akan datang. Pendekatan firasat digunakan setelah meneliti keadaan semasa yang berlaku pada ketika itu.

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), telah menyatakan sikap sayang terhadap nyawa ialah satu bentuk perasaan yang ikhlas dalam menyayangi nyawanya. Perasaan ini wujud melalui hati yang ikhlas dan tidak dipengaruhi oleh emosi negatif. Sikap sayang pada nyawa ini memperlihatkan seseorang menginginkan satu bentuk kehidupan yang harmoni. Oleh itu, seseorang akan berusaha memelihara nyawanya agar tidak terancam dengan sesuatu yang berbahaya.

### **Akal Budi Melalui Penjagaan Pertuturan**

*Kamus Dewan* (2007), mendefinisikan pertuturan ialah gaya seseorang menuturkan sesuatu perkara. Pertuturan itu digambarkan sebarang lafaz, sebutan, ucapan serta kata-kata daripada seseorang . Pertuturan ini dilafazkan dengan baik supaya dapat diterima oleh masyarakat sekelilingnya. Selain itu, menurut Siti Zuhaidah Zikeria (2015), telah menyatakan pertuturan adalah aktiviti yang berlangsung melalui keupayaan mengeluarkan bunyi-bunyi daripada alat pertuturan seperti artikulasi. Pertuturan merupakan cara bercakap mengikut perkara dan bahasa yang dututurkan oleh seseorang individu. Oleh hal yang demikian, berdasarkan kepada pendapat-pendapat daripada para sarjana ini dapat dirumuskan bahawa akal budi melalui penjagaan pertuturan bermaksud percakapan dalam mengutarakan pendapat atau perasaan seseorang. Ia adalah suatu kaedah yang membolehkan seseorang berkomunikasi dengan individu lainnya.

Penjagaan pertuturan ini dapat dilihat melalui cerita *Che Deraman*. Akal budi melalui penjagaan pertuturan dapat dilihat melalui petikan 5 seperti dilampirkan di bawah:

#### **Petikan 5**

*Dalam kalangan masyarakat, Che Deraman amat disenangi kerana beliau sering membantu masyarakat sekeliling. Beliau seorang laksamana yang sangat baik dan sentiasa dihormati oleh penduduk sekitar. Ramai penduduk kampung yang mempunyai masalah datang mengadu kepada beliau dan beliau tidak mengabaikannya sebaliknya beliau cuba sedaya upaya untuk membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Pada suatu ketika, terdapat satu pergaduhan yang berlaku antara penduduk kampung itu sendiri. Che Deraman ketika itu sedang berehat di pondok depan rumahnya dan terdengar suara lelaki sedang menengking. Lekas beliau bangun dan segera ke tempat kejadian untuk meleraikan pergaduhan. Setelah beberapa minit beliau cuba meleraikan pergaduhan tersebut akhirnya pergaduhan tersebut dapat dileraikan dengan baik dan profesional. Beliau menasihati mereka agar tidak bermusuhan sesama sendiri. Beliau juga bukan seorang yang sombong walaupun mempunyai pangkat laksamana dan sentiasa bertegur sapa tidak kira darjah dan pangkat. Perwatakan Che Deraman menjadi contoh yang baik kepada penduduk kampung disekitar itu*

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021)

Petikan 5 menjelaskan sifat penjagaan pertuturan dalam kalangan masyarakat. Penjagaan pertuturan dapat dilihat melalui watak Che Deraman. Watak ini menjaga pertuturan dalam menasihati orang kampung yang bergaduh. Hal ini membuatkan orang kampung tersebut berdamai kembali setelah mendengarkan nasihat tersebut. Oleh sebab pertuturan yang disampaikan dengan baik maka ia membuatkan suasana kampung tersebut kembali aman sentosa.

Melalui pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002), iaitu pendekatan moral. Pendekatan moral yang berlandaskan pengalaman hidup seseorang telah dititikberatkan oleh watak Che Deraman ini. Hal ini kerana Che Deraman dilihat sangat menjaga pertuturnya kerana bimbang akan menguris perasaan masyarakat setempat. Oleh itu, Che Deraman sentiasa bertindak sebagai pendamai jika berlaku pergaduhan. Ia kerana Che Deraman tidak ingin kehidupan harmoni masyarakat kampung terganggu dengan peristiwa negatif seperti bergaduh sesama sendiri. Maka, watak ini telah mengambil pendekatan untuk sentiasa menasihati anggota masyarakat supaya mengekalkan hubungan persaudaraan dalam komuniti mereka.

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), sikap menjaga pertuturan merupakan satu perbuatan yang menuturkan perkataan yang baik dalam kehidupan sehari-hari. Ia supaya tidak menganggu ketenteraman dalam anggota komuniti dengan mengeluarkan kata-kata yang tidak sepatutnya seperti cemuh atau kata makian. Akhirnya, masyarakat yang menjaga pertuturan akan mampu menjalankan hubungan persaudaraan dengan masyarakat lain juga.

### Akal Budi Melalui Kebijaksanaan Mengatur Strategi

Menurut Shaiful Bhari Md Radzi (2016), telah menyatakan mengatur strategi adalah satu penggalikasian yang dicorak untuk membentuk masa hadapan dengan sebuah perancangan yang teliti dan bertujuan untuk mencapai matlamat bagi satu tempoh yang panjang. Ia juga meliputi kepakaran dalam mengatur strategi yang berkesan bagi menggerakkan organisasi demi mencapai sasaran yang optimum.

Selain itu, *Kamus Dewan* (2007), mengatur ialah kaedah dalam menyusun perancangan serta kedudukan sesebuah organisasi manakala strategi adalah sebuah ilmu bagi merancang serta melaksanakan perperangan mahupun organisasi. Perlakuan mengatur strategi bertujuan untuk memperolehi atau mencapai target mahupun matlamat organisasi. Perlakuan ini digambarkan melalui penyusunan sesuatu perancangan dengan kemas dan teratur supaya mencapai matlamat. Oleh hal yang demikian, berdasarkan kepada pendapat-pendapat daripada para sarjana ini dapat dirumuskan bahawa akal budi melalui kebijaksaan mengatur strategi bermaksud sebuah perancangan yang diatur dengan bijak untuk jangka masa panjang bagi menyelesaikan permasalahan yang terjadi pada masa kini. Kebijaksanaan mengatur strategi ini diperolehi melalui cerita *Tentera Bergajah*. Petikan 6 menjelaskan akal budi melalui kebijaksanaan mengatur strategi seperti yang dinyatakan di bawah:

#### Petikan 6

*Segara Raja Patani mengarahkan sekumpulan tentera kecil bagi mengawal tempat gajah-gajah ini untuk berkumpul. Segala peralatan untuk mengalihkan gajah-gajah itu dilakukan. Ada yang membuat beberapa kapal besar bagi memuatkan bilangan gajah yang masih tidak dijangkiti itu dan ada yang menyiapkan bekalan makanan sepanjang mereka berada di sana serta peralatan tentera mereka juga dibersihkan. Mereka saling membantu antara satu sama lain biarpun dalam keadaan sedang berperang waktu itu.*

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021)

Melalui petikan 6 dapat diperhatikan kebijaksanaan mengatur strategi daripada aspek akal budi. Petikan ini dapat dilihat melalui watak Raja Patani yang mengatur strategi bagi menangani perperangan. Perperangan di Patani pada waktu itu digambarkan sungguh dasyat apabila gajah-gajah yang dijadikan pengangkutan tentera telah sakit membuatkan perperangan pada waktu itu tidak menyebelahi Raja Patani. Namun, kebijaksanaan Raja Patani dalam mengatur gajah-gajah supaya diasangkan itu membawa kemenangan kepada Patani ketika itu.

Kebijaksanaan mengatur strategi juga mampu dilihat dalam tajuk cerita *Tentera Jepun mendarat di Kelantan*. Sikap ini mampu dilihat sebagaimana dalam petikan di bawah:

#### Petikan 7

*Tentera Jepun telah menggunakan basikal sebagai sistem pengangkutan untuk menjajah seluruh Tanah Melayu. Mereka telah melakukan satu renovasi tehadap basikal yang digunakan. Mereka telah menjadikan basikal kepada motor berkuasa genetik. Motor ini telah digunakan sebagai alat komunikasi antara tentera di Tanah Melayu dan pihak atasan di Jepun. Ianya merupakan satu kelebihan kepada pihak Jepun kerana berjaya mencipta sesuatu yang berlainan dalam menyusun strategi manakluki tanah jajahan.*

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021)

Petikan 7 memberi gambaran yang jelas mengenai akal budi kebijaksanaan dalam mengatur strategi melalui watak tentera Jepun. Strategi tentera Jepun itu menghasilkan keberuntungan yang besar kerana mampu menaungi Tanah Melayu. Penggunaan strategi pengubahsuaian basikal kepada motor berkuasa

genetik menyebabkan Jepun dapat menakluki Tanah Melayu pada ketika itu. Penyusunan strategi yang teratur membuatkan Tanah Melayu dijajah oleh Jepun.

Sikap kebijaksanaan mengatur strategi juga mampu diperincikan dalam tajuk cerita *Kelawar Suka Keluar Waktu Malam*. Sikap ini jelas dibincangkan seperti dalam petikan di bawah:

#### Petikan 8

*Hal ini telah mendatang marah pada haiwan lain. Suatu hari, semua haiwan berkumpul melainkan kelawar. Mereka ingin membincangkan tentang permasalahan yang melibatkan kelawar ini. Mereka cuba untuk memikirkan bagaimana cara untuk memberi pengajaran kepada kelawar yang tamak itu. Setelah lama memikirkan, akhirnya punai telah memberi cadangan agar setiap haiwan menentukan buah-buahan apa yang ingin dimakan dan hanya buah-buahan itu sahaja dapat dimakan oleh setiap haiwan.*

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021)

Selain itu, kebijaksanaan mengatur strategi ini dapat dilihat juga terhadap haiwan. Petikan 8 mempamerkan sikap kelawar yang memakan makanan sesuka hati telah menimbulkan perasaan marah dalam kalangan haiwan-haiwan lain. Lalu, haiwan-haiwan telah mencadangkan supaya mereka menentukan buah yang ingin dimakan. Dengan ini, haiwan lain tidak diperbolehkan untuk makan buah lain selain buah yang dipilih. Cadangan itu juga disampaikan kepada kelawar. Kelawar menerima cadangan itu dengan senang hati. Haiwan-haiwan lain memberi peluang untuk kelawar memilih terlebih dahulu kerana mereka yakin kelawar akan memilih buah yang berbuah lebat. Maka, kelawar telah memilih buah gurah tanpa mengetahui rasa buah tersebut. Buah yang dipilih itu terlalu keras dan tidak mampu dimakan. Namun, kelawar tidak boleh makan buah lain lagi setelah itu. Haiwan-haiwan lain bersorak kerana kelawar telah jatuh perangkap. Ia dianggap sebagai satu balasan kepada kelawar yang tamak haloba.

Pengaplikasi teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002), pendekatan moral merupakan prinsip atau pegangan yang baik mahupun negatif dalam satu komuniti masyarakat. Pendekatan moral ini dapat dilihat apabila semua haiwan dalam cerita tersebut cuba mencari penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi. Penceritaan ini adalah bertujuan untuk mengajar watak kelawar yang suka makan buah-buahan tanpa memikirkan haiwan lain. Strategi tersebut bertujuan untuk memberikan pengajaran kepada kelawar supaya menghargai makanan yang ada.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), telah menyatakan sikap kebijaksanaan mengatur strategi ialah tindakan berani yang dimiliki oleh seseorang bagi mengatasi permasalahan yang berlaku. Ia dilakukan oleh seorang pemimpin yang berwibawa dalam mengurus segala kemahuan dan tuntutan sesebuah organisasi. Melalui kebijaksanaan dalam mengatur strategi, organisasi mampu berjalan dengan lancar.

#### Akal Budi Melalui Keberanian

Menurut *Kamus dewan* (2007), telah mendefinisikan keberanian sebagai perlakuan yang gagah, perkasa, tidak takut menghadapi bahaya serta tabah. Keberanian digambarkan sebagai perwatakan yang membuat pertimbangan dengan suatu keputusan yang berani serta wajar. Selain itu, menurut Junaini Kasdan (2020), telah menyatakan keberanian adalah keupayaan bagi menyuarakan pendapat & bersungguh-sungguh mempertahankan sebuah kebenaran. Oleh hal yang demikian, berdasarkan kepada pendapat-pendapat daripada para sarjana ini dapat dirumuskan bahawa akal budi melalui keberanian bermaksud keupayaan untuk bertindak mahupun bersuara bagi mempertahankan kebenaran. Hal ini berkait rapat dengan nilai integriti dan etika seseorang individu dalam mempertahankan haknya.

Sikap keberanian ini diperolehi daripada cerita *Kekejaman Seorang Raja*. Gambaran tersebut dapat dilihat melalui petikan 9 seperti di bawah:

### Petikan 9

*Pada ketika itu juga, pemerintahan di Kota Mahligai menjadi semakin kejam setelah ketiadaan Puteri Saadong. Kekejaman itu telah menyebabkan rakyat tidak mampu bertahan sehingga mengambil keputusan melarikan diri dari kota tersebut dan bersembunyi di serata tempat. Keadaan itu telah diketahui oleh Sultan Omar dan membuatkan baginda menjadi murka serta hilang hormat pada Sultan Abdul Rahim. Perasaan marah golongan rakyat jelata telah menyebabkan tercetusnya pemberontakan golongan ini. Golongan ini bertindak menentang pemerintahan Sultan Abdul Rahim ini. Peristiwa pemberontakan ini telah mengorbankan nyawa baginda. Diceritakan baginda telah dibunuh di tepi Tasek Lelayang mengikut perancangan yang dilakukan oleh Raja Kechil Sulong yang merupakan sepupu kepada Sultan Abdul Rahim. Sistem pemerintahan yang berpusat di Kota Mahligai akhirnya terlerai setelah mangkatnya baginda Sultan Abdul Rahim.*

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021)

Petikan 9 menunjukkan sikap keberanian yang terdapat dalam akal budi. Akal budi ini dilihat menerusi watak Raja Kechil Sulong yang sanggup membunuh Sultan Abdul Rahim bagi mengembalikan ketenteraman dalam Kota Mahligai kepada keadaan sedia kala. Pembunuhan itu telah dirancang oleh Raja Kechil Sulong secara teliti. Apabila Sultan Abdul Rahim telah mangkat, sistem pemerintahan di Kota Mahligai menjadi lumpuh. Rakyat hidup secara aman setelah mangkatnya Sultan Abdul Rahim.

Selain itu, melalui aplikasi teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002), telah menyatakan pendekatan moral adalah pengalaman yang dilalui oleh manusia atau komuniti. Pendekatan moral jelas diperlihatkan melalui watak Raja Kechil Sulong yang membunuh Sultan Abdul Rahim untuk mengembalikan kedaulatan dalam negeri. Ia disebabkan oleh Sultan Abdul Rahim terlalu kejam terhadap rakyat jelatanya. Melalui kejadian tersebut, rakyat di Kota Mahligai mampu meneruskan kehidupan dengan lebih baik berbanding sewaktu pemerintahan bawah naungan Sultan Abdul Rahim. Hal ini menjelaskan pendekatan moral melalui watak Raja Kechil Sulong yang mengembalikan kemakmuran rakyat jelata. Justeru, keamanan rakyat mampu diperolehi akibat daripada sikap berani Raja Kechil Sulong itu. Nilai ini memperlihatkan sikap pertimbangan akal watak tersebut untuk membunuh Sultan Abdul Rahim pada ketika itu kerana tidak sanggup melihat kekejaman itu terus berlaku dalam kalangan rakyat.

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd. Rahim (2016), mendefinisikan sikap keberanian ialah satu bentuk kekuatan yang ada dalam diri seseorang. Ia muncul apabila seseorang ingin mempertahankan diri atau orang lain. Tindakan sedemikian adalah demi menjaga keharmonian masyarakat sekeliling dan diri sendiri. Kesannya, seseorang mampu mengatasi rasa takut dan berusaha memperjuangkan matlamat hidupnya demi kesejahteraan bersama-sama.

### Akal Budi Melalui Kesetiaan

Menurut *Kamus Dewan* (2007), kesetiaan merupakan keadaan atau sifat kekal pada yang satu serta keteguhan hati seorang individu. Ianya digambarkan sebagai keteguhan akal fikiran dalam melakukan sesuatu perkara. Bagi individu ianya diperlihatkan sebagai sikap kepatuhan, taat dan mampu untuk diharapkan oleh individu lain. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), menyatakan bahawa kesetiaan adalah kesepadan dan kekuatan hati dalam mempertahankan sesebuah perhubungan. Perhubungan seperti persahabatan, pentadbiran dan suami isteri mempunyai keteguhan hati untuk sama-sama mempertahankan hubungan tersebut. Oleh hal yang demikian, berdasarkan kepada pendapat-pendapat daripada para sarjana ini dapat dirumuskan bahawa akal budi melalui kesetiaan bermaksud kecekalan hati dalam mempertahankan sebuah perhubungan seperti suami isteri, pemerintahan serta persahabatan. Hal ini dilihat sebagai keteguhan dalam membuktikan ketaatan pada sebuah perhubungan itu.

Kesetiaan diperolehi dalam cerita *Kebijaksanaan Burung Hantu*. Gambaran akal budi melalui kesetiaan dipamerkan dalam petikan 10 seperti di bawah:

### Petikan 10

*Pada hari yang dinanti-nantikan telah datang tujuh buah kapal rombongan Puteri China seperti yang dirancangkan. Melihatkan itu, garuda telah bertindak menyerang kapal-kapal itu. Ianya telah membuatkan empat buah kapal telah tenggelam di dasar laut. Melihatkan perkara itu, datuk bendahara telah bertindak menyembunyikan Puteri China dalam tempayan. Perkara itu telah dilihat oleh burung hantu. Burung hantu segera menyampaikan berita itu pada Burung Garuda. Garuda telah bertindak mencampak tempayan itu dalam laut. Melihatkan tempayan telah jatuh ke dalam laut, garuda menyangkakan Puteri China itu telah mati. Perkhabarannya telah disampaikan kepada raja yang berada di istana. Perkhabarannya telah membuatkan raja menjadi sedih dan berlalu duduk di tebing sungai.*

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021)

Petikan 10 memperlihatkan tindakan Datuk Bendahara yang bijak menangani masalah dihadapi oleh rombongan Puteri China. Watak ini bertindak menyembunyikan Puteri China ke dalam tempayan kerana telah diserang oleh garuda. Garuda yang menyedari tindakan Datuk Bendahara itu setelah diberitahu oleh burung hantu telah bertindak mencampak tempayan tersebut. Garuda menyangkakan Puteri China itu telah mati lalu dikhabarkan kepada raja membuatkan raja bersedih. Namun, tempayan Puteri China telah hanyut di tebing sungai tempat raja berduka-cita mendengar perkhabaran tersebut lalu mereka berkahwin. Hal ini menampakkan kesetiaan Datuk Bendahara terhadap Puteri China itu membawa hasil melalui perkahwinan raja dan Puteri China. Jika Datuk Bendahara tidak bertindak sebegitu maka Puteri China telah mati. Kesetiaan Datuk Bendahara ini telah menyelamatkan nyawa Puteri China.

Aplikasi teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002), pendekatan firasat dalam pendekatan alamiah adalah pengalaman satu kehidupan ke arah pengalaman hidup pengkarya yang dilalui dengan penuh misteri. Pendekatan firasat ini jelas dinyatakan dalam penulisan Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), iaitu menerusi watak Datuk Bendahara. Watak Datuk Bendahara menggunakan firasat bagi menyelamatkan Puteri China daripada serangan garuda. Penceritaan itu menunjukkan bahawa serangan garuda secara tidak langsung telah menghancurkan perancangan garuda tersebut daripada lebih mengganas di negeri itu. Secara tidak langsung perancangan itu telah menyelamatkan Puteri China dan negeri tersebut.

Melalui analisis yang dinyatakan, kajian ini melihat terdapat banyak akal budi yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu berdasarkan *Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), akal budi mencerminkan kebudayaan masyarakat Melayu yang mempunyai keperibadian tinggi. Masyarakat Melayu dipandang tinggi oleh bangsa lain kerana kesopanan pemikirannya dalam mengatasi masalah. Cerita-cerita rakyat ini diambil iktibar melalui jalan ceritanya oleh masyarakat Melayu khususnya. Oleh itu, keperibadian individu mampu ditingkatkan secara teratur dan berubah secara sistematik. Hal ini jelas apabila golongan muda mampu berfikiran terbuka dan mengaplikasi adat resam dalam kehidupan mereka kini. Justeru, kebudayaan sebegini perlu dikekalkan dan diterapkan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain. Ianya jelas memperlihatkan budaya cerita rakyat ini merupakan keperluan masyarakat dari aspek pemikiran dan tingkah laku. Meskipun masyarakat kini sering mengalami perubahan sosio-budaya mengikut peredaran masa.

## KESIMPULAN

Rumusannya, kajian ini menyimpulkan bahawa akal budi merupakan satu elemen penting daripada penyampaian cerita rakyat tersebut. Akal budi yang disampaikan ini memberikan pengajaran serta membuatkan masyarakat Melayu membuat pertimbangan yang wajar sebelum mengambil sesuatu tindakan. Pada era kemodenan ini, pemikiran yang rasional amat penting kepada masyarakat pada hari ini dalam menghadapai cabaran globalisasi yang kritis. Pemikiran dan tindakan yang rasional adalah sebaik perkara yang perlu dilaksanakan oleh masyarakat pada masa kini. Ia kerana cabaran tidak hanya berlaku dari aspek sosial malahan dari aspek politik serta ekonomi negara juga. Setiap tindakan yang

dilakukan akan memberi impak kepada masyarakat serta negara. Oleh itu, akal budi dalam cerita rakyat Melayu ini harus dimartabatkan semula bagi memberi pengajaran kepada masyarakat kini. Sikap sebegini dipupuk agar mampu menjaga kestabilan ekonomi, politik serta sosial dalam masyarakat mahupun negara.

## **RUJUKAN**

- Kamus Dewan.* 2007. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014. *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi di Sekolah. Selangor: Kementerian Pendidikan Malaysia Bahagian Pembangunan Kurikulum.* Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Hawa Mahfuzah Rusidin & Zulkifley Hamid. 2015. Akal budi Melayu dalam mantera: Analisis semantik kognitif. *Jurnal Melayu.* 14(20), 260-273.
- Hashim Awang. 2002. Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. *Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu.* Riviera Bay Resort, 20-23 Jun.
- Junaini Kasdan. 2020. Penciptaan istilah dan akal budi Melayu. *International Journal of The Malay World and Civilisation.* 8(1), 3-16.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. 2018. Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu. *Thesis Ijazah Doktor Falsafah.* Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. 2021. *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu.* Universiti Malaysia Kelantan: Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd. Rahim. 2014. Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni. *Journal Of Business and Social Development.* 2(2), 74-85.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd. Rahim. 2016. Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal Of Business and Social Development.* 4(2), 48-57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. 2017. Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara oleh Aripin Said & Othman Puteh. *Journal Of Business and Social Development.* 5(2). 67-74.
- Rosmawati Harahap & Alkausar Saragih. 2018. Unsur karakter cerita rakyat Si Mardan. *Jurnal Penelitian Pendidikan Bahasa dan Sastra.* 3(1), 312-317.
- Shaiful Bhari Md Radzi. 2016. Si Tanggang moden dan perubahan makna dalam cerita bermotifkan anak derhaka. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication.* 31(2).
- Siti Zuhaidah Zikeria. 2015. Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih dalam Majalah Dewan Pelajar. *Tesis Ijazah Sarjana Sastera.* Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. 2014. Konflik Dalam Cerita Rakyat Dan Kesannya Kepada Kanak-Kanak. *Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu,* 5 (1), 185-205.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. 2020. Akal Budi dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature.* 11(2), 126-140.